



سکولہ منقہ کبغسان سری فاکھی

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI PAGI**

Taman Seri Pagi,  
70450 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel : 06-6789785  
Faks : 06-6789290



Rujukan Kami : SMKSP.700-2/1/4/(25)  
Tarikh : 23 September 2022

Kepada

Ibu bapa / Penjaga Pelajar  
Tingkatan 3  
SMK Seri Pagi

Tuan / Puan,

### **KELAS TAMBAHAN PADA HARI SABTU**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak sekolah akan mengadakan kelas tambahan pada hari Sabtu bagi semua pelajar tingkatan 3. Kelas tambahan tersebut akan bermula pada **24 September 2022** dan seterusnya sila rujuk pada jadual yang dilampirkan.

3. Pihak kami memohon jasa baik tuan/puan untuk memastikan anak tuan/puan hadir pada masa yang ditetapkan mengikut jadual tersebut.

4. Kerjasama dan keprihatinan tuan/puan untuk menjayakan usaha murni ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 "**  
**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menjalankan amanah,

  
( **JAMRI BIN AHMAD** )  
Pengetua Cemerlang  
SMK Seri Pagi